

KP1M lancar misi bantuan

Davao (Mindanao): Kelab Putera 1Malaysia (KP1M) sudah melancarkan misi bantuan kepada mangsa banjir di Pahang dan Terengganu semalam.

Misi disertai 50 sukarelawan bersama pasukan perubatan itu diketuai Abdul Mutalip Abdul Rahim dan turut dilengkapi dua ambulans. KP1M turut mengambil inisiatif membuka sebuah pusat peman-tauan di sini bagi merangka perancangan serta jenis bantuan yang diperlukan mangsa banjir di dua negeri terbabit.

Presiden KP1M, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim ketika ditemui media Malaysia selepas menyampaikan bantuan kepada mangsa Taufan Bopha di New Bataan, di sini, berkata sebanyak 1,000 tilam, air mineral, selimut dan pelbagai keperluan asas lain akan diagihkan kepada mangsa di dua negeri berkenaan.

“Kumpulan sukarelawan KP1M yang berada di sini (Davao) akan terus ke lokasi banjir sebaik tiba di ibu negara,” katanya.